

## Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan SPM


### Penggunaan Teknik 4 Warna dalam tajuk Kelab dan Persatuan. (SIRI 1)

Disediakan Oleh:

**Rosli Bin Hamid**  
**Guru Cemerlang Perakaunan,**  
**SMK Dato' Jaafar Hassan,**  
**02450 Bukit Keteri, Perlis.**

### **Bahan-bahan:**

- 4 Batang Pen Penanda Berwarna (highlighter) kuning, hijau, merah dan biru.
- Lembaran Kertas Soalan dan Kertas Jawapan.
- Pena mata bulat.
- Pembaris dan pemadam.



Langkah	Isi pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Set Induksi (5 minit)	Format Akaun Yuran dan akaun belanja (Majalah, surat khabar dan sebagainya)	Guru menunjukkan format akaun Yuran dan akaun Belanja. (rujuk Lampiran 1)	Pelajar menyalin format yang ditunjukkan oleh guru	Bahan: format akaun Yuran dan akaun belanja
Langkah 1 (5 minit)	Proses mengelaskan item dengan menggunakan warna kuning, hijau, merah dan biru mengikut jenis item yang berbeza	<p>Guru memberikan panduan tentang penggunaan 4 warna</p> <p><b>Warna kuning</b> untuk item yang pertama (akaun yuran dan akaun belanja)</p> <p><b>Warna hijau</b> untuk item yang kedua (akaun kawalan penghutang dan akaun kawalan pemiutang)</p> <p><b>Warna merah</b> untuk item yang ketiga (akaun perdagangan)</p> <p><b>Warna biru</b> untuk item yang keempat (akaun pendapatan dan perbelanjaan)</p>	Pelajar melihat slaid yang ditayangkan kepada mereka	Teknik Empat Warna
Langkah 2 (10 minit)	Proses menanda: Guru menunjukkan kepada pelajar cara menanda item yang pertama dengan warna kuning (akaun yuran dan akaun belanja)	Guru menunjukkan kepada pelajar cara menanda item akaun yuran dengan warna kuning. Kemudian guru menunjukkan kepada pelajar cara menyediakan akaun yuran dengan berpandukan kepada format akaun yuran. Apabila selesai, guru menanda item akaun belanja dengan warna kuning dan diikuti dengan menyediakan akaun belanja yang	Pelajar menanda item-item yang berbeza dalam Buku tunai dan Penyata Bank dengan menggunakan Pen Penanda yang berwarna kuning, hijau, merah dan biru.	<p>Alat Bantu Mengajar:</p> <p>Pen Penanda Berwarna</p> <p>Kertas soalan</p> <p>Kertas jawapan</p> <p>Pembaris</p> <p>Pen</p> <p>Pensel</p>

		berkenaan. (rujuk Lampiran 2)		Pemadam
Langkah 3 (10 minit)	Menanda item yang kedua dengan warna hijau (akaun kawalan penghutang dan pemiutang)	Guru menunjukkan cara menanda item yang kedua dengan warna hijau. Item kedua adalah merujuk kepada item yang masuk dalam akaun kawalan penghutang dan kawalan pemiutang.  Guru kemudiannya menyediakan akaun kawalan penghutang dan akaun kawalan pemiutang.	Pelajar mengikut setiap langkah guru dengan teliti	Kalkulator
Langkah 4 (10 minit)	Menanda item ketiga dengan warna merah (merah jambu).  (akaun perdagangan)	Guru menunjukkan kepada pelajar cara menanda item yang ketiga dengan warna merah.  Guru kemudiannya menyediakan akaun perdagangan kantin atau restoran.	Pelajar mengikuti setiap langkah yang ditunjukkan oleh guru dengan teliti dan tersusun.	
Langkah 5 (10 minit)	Menanda item keempat dengan warna biru  (akaun pendapatan dan perbelanjaan)	Guru menunjukkan kepada pelajar cara menanda item yang keempat dengan warna biru. Seterusnya guru menunjukkan cara menyediakan akaun pendapatan dan perbelanjaan sehingga selesai.  Guru menjelaskan hanya item yang berkenaan dengan segala perbelanjaan dan penerimaan	Pelajar mengikuti setiap langkah yang ditunjukkan oleh guru dengan teliti dan tersusun.	

		hasil sahaja yang dimasukkan dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan.		
<b>Langkah 6 (15 minit)</b>	<b>Pelajar menjawab satu soalan baru yang agak hampir dengan soalan yang telah ditunjukkan.</b>	<b>Setelah semua langkah 1 hingga 5 berjaya dilaksanakan, guru akan membantu pelajar untuk menyelesaikan latihan sehingga tamat. Untuk mengukuhkan lagi kefahaman pelajar, guru memberikan satu lagi latihan yang hampir sama dengan contoh soalan latihan yang telah dibincangkan.</b>	<b>Pelajar menjawab soalan latihan.</b>	
<b>Penutup (5 minit)</b>	<b>Kesimpulan isi-isi penting yang telah dipelajari.</b>	<b>Guru membuat kesimpulan dengan meminta pelajar menyenaraikan aktiviti yang telah dilakukan. Guru juga meminta pelajar menghuraikan perbezaan antara belanja hasil dan belanja modal dan begitu juga pendapatan hasil dan pendapatan modal.</b>	<b>Pelajar menjawab soalan secara lisan</b>	

## Langkah **1**

- Guru memberikan panduan tentang penggunaan 4 warna seperti berikut:

Menanda item pertama yang hendak dicari



**Lampiran 1:**

**Format Akaun Yuran**

Akaun Yuran (Hasil)

2011	RM	2011	RM
Jan 1 Baki b/b (Terakru awal)	xxxx	Jan 1 Baki b/b (Terdahulu awal)	xxxx
Dis 31 Bank/Tunai	xxxx	Dis 31 Pendapatan dan perbelanjaan	xxx
Baki h/b (Terdahulu akhir)	xxxx	Baki h/b (Terakru akhir)	xxxx
	xxxx		xxxx

**Format Akaun Belanja**

Akaun Majalah (Belanja)

2011	RM	2011	RM
Jan 1 Baki b/b (Terdahulu awal)	xxxx	Jan 1 Baki b/b (Terakru awal)	xxxx
Dis 31 Bank/Tunai	xxxx	Dis 31 Bank/Tunai	xxxx
Baki h/b (Terakru akhir)	xxxx	Baki h/b (Terdahulu akhir)	xxxx
	xxxx		xxxx

## Lampiran 2:

### Kelab dan Persatuan (Soalan Latihan)

1. Kelab Memanah TTB, sebuah kelab yang ditubuhkan di Kampung Titi Tok Bandar, memberikan maklumat berikut pada 30 Jun 2011:

Akaun Penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2011

Penerimaan		Pembayaran	
	RM		RM
Baki b/b	2 000	Kadar bayaran	200
Yuran	5 000	Sewa	1 000
Bayaran masuk	3 000	Gaji	2 010
Penghutang minuman	600	Biasiswa anak ahli	430
Sewa laci	300	Alat tulis	100
Yuran pertandingan	190	Belanja pos	50
Jualan minuman	200	Pemiutang minuman	300
		Perabot baru	1 000
		Belian minuman	120
		Upah pekerja kantin	240

Maklumat tambahan:

(a)

	1 Julai 2010	30 Jun 2011
Yuran tertunggak	400	560
Yuran terdahulu	300	480
Perabot	4 500	5 000
Stok minuman	225	390
Pemiutang minuman	100	150
Penghutang minuman	102	170
Stok alat tulis	20	90

(b) Bayaran masuk hendak dianggap sebagai pendapatan modal.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran
- (b) Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang
- (c) Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 30 Jun 2011
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011

### Lampiran 3:

#### Kelab dan Persatuan

1. Kelab Memanah TTB, sebuah kelab yang ditubuhkan di Kampung Titi Tok Bandar, memberikan maklumat berikut pada 30 Jun 2011:

Akaun Penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2011

Penerimaan		Pembayaran	
	RM		RM
Baki b/b	2 000	Kadar bayaran	200
Yuran	5 000	Sewa	1 000
Bayaran masuk	3 000	Gaji	2 010
Penghutang minuman	600	Biasiswa anak ahli	430
Sewa laci	300	Alat tulis	100
Yuran pertandingan	190	Belanja pos	50
Jualan minuman	200	Pemiutang minuman	300
		Perabot baru	1 000
		Belian minuman	120
		Upah pekerja kantin	240

Maklumat tambahan:

(a)

	1 Julai 2010	30 Jun 2011
Yuran tertunggak	400	560
Yuran terdahulu	300	480
Perabot	4 500	5 000
Stok minuman	225	390
Pemiutang minuman	100	150
Penghutang minuman	102	170
Stok alat tulis	20	90

(b) Bayaran masuk hendak dianggap sebagai pendapatan modal.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- Akaun Yuran
- Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang
- Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 30 Jun 2011
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011



Jawapan:

**Akaun Yuran**

2010	2010
Jul 1 Baki b/b 400	Jul 1 Baki b/b 300
2011	2011
Jun 30 Pendapatan dan Perbelanjaan 4 980	Jun 30 Bank 5 000
Baki h/b 480	Baki h/b 560
5 860	5 860
=====	=====

**Akaun Kawalan Penghutang**

2010	2011
Jul 1 Baki b/b 102	Jun 30 Bank 600
2011	Baki h/b 170
Jun 30 Jualan 668	
770	770
=====	=====

**Akaun Kawalan Pemiutang**

2011	2010
Jun 30 Bank 300	Jul 1 Baki b/b 100
Baki h/b 150	2011
	Jun 30 Belian 350
450	450
=====	=====

**Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir bagi tahun berakhir 30 Jun 2011**

Stok awal 225	Jualan 868
Belian 470	
695	
(-) Stok akhir 390	
305	
(+) Upah pekerja kantin 240	
545	
Untung minuman 323	
868	868
=====	=====

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2011**

Kadar bayaran	200	Yuran	4 980
Sewa	1 000	Untung minuman	323
Gaji	2 010	Bayaran masuk	3 000
Biasiswa anak ahli	430	Sewa laci	300
Alat tulis	30	Yuran pertandingan	190
Belanja pos	50		
Susut nilai perabot	500		
Lebihan	4 573		
	<hr/>		<hr/>
	8 793		8 793
	=====		=====

**Kos Inovasi:**

### C. Kos bagi menghasilkan inovasi

No.	Item	Harga
1.	4 batang pen penanda berwarna X RM1.30	RM 5.20
2.	1 batang pembaris	RM 0.80
3.	1 ketul pemadam	RM 1.00
4.	1 set kertas jawapan	RM 4.00
5.	1 batang pen	RM 1.50
6.	1 batang pensel	RM 0.80
	Jumlah	RM 13.30

## Keberkesanan Inovasi:

### D. Keberkesanan inovasi kepada pengajaran dan pembelajaran (sertakan bukti)

#### i. Analisis Pemerhatian

- Perubahan sikap dan penerimaan pelajar
- Keseronokkan untuk melaksanakan aktiviti latihan
- Dapat diaplikasikan dalam hampir keseluruhan tajuk.

## Potensi Inovasi:



### E. Potensi untuk disebar luaskan kepada pihak lain.

- i. Mudah dilaksanakan kerana tidak memerlukan banyak bahan dan alatan.
- ii. Kesesuaian dari segi pelaksanaannya sama ada secara individu dan berkumpulan
- iii. Berpusatkan bahan yang menjadikan pelajar tidak terlalu bergantung kepada guru dan rakan-rakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku.
- iv. Mudah diingat oleh pelajar kerana hanya empat warna diperlukan untuk menanda dan warna-warna ini menarik perhatian pelajar.

- v. Murah dari segi penyediaan bahan iaitu hanya melihatkan kos RM13.30 untuk seorang individu.
- vi. Mudah disampaikan kepada guru mahupun pelajar walaupun di sekolah lain dan pada kali pertama ia diperkenalkan.
- vii. Menyeronokkan seolah-olah belajar sambil bermain warna. Teknik ini juga mampu mengelakkan kebosanan pelajar yang sudah amat biasa dengan kaedah “chalk and talk” dalam kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

## Komen Pelajar:

### Komen Pelajar 5 Bestari 2011.

- [Anasz Rulan](#) well done sir . you're the best teacher i ever had . the way you teach us like no other teachers can do . you're not teaching us account principle , yet teach us many way of life though . i do thanks for both . kami semua pun sayang cikgu Rosli 
- [Nur Faszeritin](#) insyaallah, saya juga mengharapkn sebegitu.. saya tumpang gembira atas kejayaan cikgu .. teruskan usaha cikgu untuk pembaharuan yang lebih efektif utk pelajar-pelajar perakaunan pada masa depan. 

## **Komen Guru:**



[Dina Mahyuddin](#) Alhamdulillah, mmg berkesan hasil inovasi y diberi oleh cg [Rosli Bin Hamid](#)... mesti kena cuba...:)

## **Bantuan Teknikal:**

**Sila hubungi saya melalui :**

- 1. Sms: 012-5591893**
- 2. facebook: Rosli bin Hamid**
- 3. blog: <http://cikguroslidhamid.blogspot.com>**